

# **Analisis Perbandingan Antara Tafsir Al-Qurtubi Dan Al-Zamakhsyari Terhadap Pentafsiran Ayat ke-59 Surah Al-Ahzāb**

## ***[Comparison Between Tafsir Al-Zamakhsyari And Al-Qurtubi Regarding The Interpretation Of Verse 59 Of Surah Al-Ahzāb]***

**Ikmal Adnan,<sup>1</sup> Khairulnazrin Nasir,<sup>2</sup> Rahim Kamarul Zaman,<sup>3</sup>  
Ahmad Asraff Ismail,<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: [ikmal.adnan@kias.edu.my](mailto:ikmal.adnan@kias.edu.my).

<sup>2</sup> Department Usuluddin, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: [khairulnazrin19@gmail.com](mailto:khairulnazrin19@gmail.com).

<sup>3</sup> Department Usuluddin, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: [abdulrahimkz51@gmail.com](mailto:abdulrahimkz51@gmail.com).

<sup>4</sup> Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: [ahmadasraff@kias.edu.my](mailto:ahmadasraff@kias.edu.my)

### **ABSTRACT**

*The history of interpretation of the Qur'an has started since the time of the Prophet SAW. The process of its development happened so rapidly that there were many famous scholars who produced works in the interpretation of the Qur'an. Along with its progress, there are two forms of interpretation of the Qur'an, namely Tafsīr bi al-Ma'thūr and Tafsīr bi al-Ra'yi. There are many figures who use the method of Tafsīr bi al-Ra'yi, among them is the work of Abu Qasim Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari (d. 538H) known as Tafsir al-Kasysyāf and the work of Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi (d. 671H) known as Tafsir al-Qurtubi. Therefore, this article aims to conduct a comparative study between the interpretation methods by al-Zamakhsyari and al-Qurtubi, especially regarding verse 59 of surah al-Ahzāb. This study uses a qualitative approach through the literature review theme. Data collection is from documentation sources such as thesis, dissertations and scholarly articles. While the form of data analysis applied is descriptive and comparative. The results of the analysis show that the methods used by al-Zamakhsyari and al-Qurtubi are different in the form of arrangement, discussion topics and explanations. In conclusion, the study related to the*

*comparison of interpretation methods among scholars of interpretation needs to be expanded to identify the best method in understanding the holy verses of the Quran.*

**Keywords:** *Tafsir, al-Zamakhsyari, al-Qurtubi, hijab's verse, Surah al-Ahzab*

---

## ABSTRAK

Sejarah tafsir al-Quran telah bermula sejak pada zaman Rasulullah SAW. Proses perkembangannya berlaku dengan pesat sehingga wujud ramai tokoh ulama yang telah berjaya menulis karya dalam tafsir al-Quran. Seiring perkembangannya, lahir dua jenis pentafsiran al-Quran iaitu Tafsir bi al-Ma'thur dan Tafsir bi al-Ra'yi. Ramai tokoh yang telah menerapkan kaedah Tafsir bi al-Ra'yi yang berasaskan pandangan dalam penulisan mereka walaupun mempunyai aliran pemikiran akidah yang berbeza. Antaranya kitab tafsir yang terkenal hasil tulisan Abu al-Qasim Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari (m. 538H) yang dikenali sebagai Tafsir al-Kasysyaf serta karangan daripada Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi (m. 671H) yang dikenali sebagai Tafsir al-Qurtubi. Justeru artikel ini bertujuan untuk melakukan kajian perbandingan antara bentuk dan kaedah pentafsiran oleh al-Zamakhsyari dan al-Qurtubi khususnya terhadap ayat yang ke-59 surah al-Ahzab. Kajian ini dilakukan dengan pendekatan secara kualitatif melalui kajian kepustakaan. Himpunan data pula adalah bersumberkan dokumentasi seperti tesis, disertasi serta artikel ilmiah. Kaedah analisis data yang digunakan adalah berbentuk deskriptif dan perbandingan secara komparatif. Dapatan analisis memperlihatkan bahawa kaedah yang digunakan oleh al-Zamakhsyari dan al-Qurtubi adalah berlainan mengikut bentuk susunan pentafsiran, topik perbincangan dan penjelasan. Kesimpulannya, kajian berkaitan perbandingan kaedah pentafsiran dalam kalangan tokoh ilmuwan tafsir perlu diperluaskan bagi mengenal pasti kaedah yang terbaik bagi memahami ayat-ayat suci al-Quran.

**Kata Kunci:** Tafsir, al-Qurtubi, al-Zamakhsyari, ayat hijab, Surah al-Ahzāb

### How to Cite:

Received	: 25-07-2023	Ikmal Adnan, Khairulnazrin Nasir, Rahim Kamarul Zaman, & Ahmad Asraff Ismail. (2023). Analisis Perbandingan Antara Tafsir Al-Qurtubi Dan Al-Zamakhsyari Terhadap Pentafsiran Ayat ke-59 Surah Al-Ahzāb. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 000-000
Accepted	: 28-09-2023	
Published	: 30-11-2023	

## 1. Pendahuluan

Sejarah tafsir al-Quran telah bermula sejak daripada peringkat awal Nabi SAW diutuskan seiring penurunan wahyu dan berlanjutan dalam beberapa fasa yang panjang. Selari dengan kepesatan pengembangan ilmu dalam ketamadunan Islam telah melahirkan sejumlah besar ulama dalam pelbagai bidang yang juga telah menulis karya tafsir al-Quran. Berdasarkan kepada perkembangan penulisan tafsir, lahirlah dua cara pentafsiran al-Quran iaitu Tafsir bi al-Ma'thur dan Tafsir bi al-Ra'yi. Ramai dalam kalangan ilmuwan Islam yang mengaplikasikan kaedah Tafsir bi al-Ra'yi, antaranya yang terkenal ialah penulisan Abu al-Qasim Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari (m. 538H) berjudul al-Kasysyaf an Haqaiq al-Tanzil wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil (الكشاف عن حقائق التنزيل وعيون الأقاويل في وجوه التأويل) dan kitab tafsir Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar al-Qurtubi (m. 671H) berjudul al-Jami' li Ahkam al-Quran wa al-Mubayyin li Ma Tadammahu min al-Sunnah wa Aiy al-Furqan (الجامع لأحكام القرآن والمبين لما تضمنه من السنة وآي الفرقان).

Sehubungan itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menelusuri ketokohan al-Zamakhsyari dan al-Qurtubi melalui pengenalan terhadap biodata mereka, sejarah terhasilnya kitab tafsir, metodologi serta kaedah pentafsiran dan keistimewaan kitab tafsir yang dihasilkan. Selain itu, penulisan ini juga akan menjelaskan serta membandingkan huraian tafsir kedua-dua tokoh tersebut terhadap ayat ke-59 surah al-Ahzāb melalui penulisan mereka.

## 2. Metodologi Kajian

Penulisan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan. Data yang dikumpulkan adalah daripada sumber dokumentasi seperti buku, tesis, disertasi dan penulisan ilmiah. Analisis data yang digunakan pula berbentuk deskriptif dan komparatif. Proses pencarian berdasarkan kata kunci seperti 'al-Zamakhsyari', 'al-Qurtubi', 'ayat hijab' dan 'ayat ke-59 surah al-Ahzab'. Rujukan utama adalah kitab tafsir karangan kedua-dua tokoh itu sendiri iaitu Al-Kasysyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil (الكشاف عن حقائق التنزيل وعيون الأقاويل في وجوه التأويل) dan al-Jami' li Ahkam al-Quran wa al-Mubin li ma Tadammahu min al-Sunnah wa Aiy al-Furqan (الجامع لأحكام القرآن والمبين لما تضمنه من السنة وآي الفرقان). Selain daripada itu, buku dan artikel

yang berkaitan dengan kajian komparatif antara tokoh-tokoh tafsir, terutamanya yang berkaitan dengan al-Zamakhshari dan al-Qurtubi, dijadikan rujukan. Beberapa topik disusun dalam perbincangan supaya dapat melancarkan pembacaan. Dimulakan dengan Pengenalan Tafsir al-Zamakhshari dan al-Qurtubi, yang membincangkan maklumat tentang biografi tokoh, latar belakang penulisan karya, metodologi yang digunakan, dan ciri-ciri unik yang menjadi keistimewaan karya tafsir mereka. Selepas itu, terdapat penjelasan tentang tafsiran umum ayat 59 surah al-Ahzab serta analisis perbandingan cara kedua-dua tokoh tersebut mentafsirkan ayat tersebut.

### **3. Dapatan Kajian**

Setelah melakukan analisis, penulis merumuskan bahawa kaedah yang diaplikasikan oleh al-Zamakhshari dan al-Qurtubi mempunyai perbezaan dari sudut susunan, tajuk perbahasan dan penerangan. Manakala melalui analisis secara perbandingan antara kedua-dua kitab tafsir tersebut, terdapat persamaan dalam huraian pentafsiran khususnya terhadap maksud perkataan al-jilbab. Al-Zamakhshari dan al-Qurtubi menggunakan pendapat Ibnu Abbas RA dan Ubaidah al-Salmi dalam menjelaskan maksud perkataan tersebut. Walaupun dua karya tersebut dikategorikan sebagai Tafsir bi al-Ra'yi, al-Zamakhshari dan al-Qurtubi tetap menyandarkan pandangan mereka kepada hadis, athar sahabat dan pendapat ulama tabi'in dalam sebahagian isu. Secara umumnya, penyusunan yang dilakukan oleh al-Qurtubi lebih baik dan rapi dengan memberikan penjelasan dalam topik-topik tertentu berbanding pentafsiran secara ringkas dan huraian yang cuma menekankan aspek bahasa seperti yang dilakukan oleh al-Zamakhshari. Kedua-dua kitab tafsir tersebut menghuraikan secara mendalam dan tertumpu pada pengertian dan pemahaman berkaitan jilbab. Walaupun al-Zamakhshari dikenali sebagai tokoh yang beraliran muktazilah, tetapi huraian tafsir beliau masih dapat diguna pakai terutama yang berkaitan dengan aspek bahasa.

### **4. Pengenalan Tafsir Al-Zamakhshari**

Kitab tafsir yang dihasilkan oleh al-Zamakhshari diberi tajuk al-Kasysyaf 'an Haqa'iq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil. Ia merupakan karya yang banyak menerapkan dan menonjolkan pegangan, ideologi dan corak pemikiran beliau. Terdapat sebahagian ulama mengkategorikan kitab tersebut sebagai Tafsir bi al-Ra'yi al-Mazmum kerana akidah muktazilah yang dianuti oleh al-Zamakhshari (Abd al-

Fattah al-Khalidi, 2010). Secara tidak langsung, beliau menyokong dan mengangkat pegangan aliran tersebut dalam pentafsiran al-Quran terutamanya pada ayat tentang akidah. Manakala dari sudut fikah, beliau adalah pengikut mazhab Hanafi (Ammar Fadzil, 2021). Kendatipun begitu, kitab tafsir ini dianggap kitab tafsir yang sangat bagus khususnya sebagai rujukan dalam aspek bahasa Arab bagi pembaca yang ingin memahami lafaz yang bersangkutan dengan permasalahan bahasa Arab. Penggunaan tafsir ini sebagai rujukan untuk memahami ayat al-Quran juga berupaya menarik minat orang awam untuk mendengar dan memahami maksud ayat kerana ia memberatkan aspek bahasa dalam pentafsiran ayat al-Quran (Mohd Hilmi Abdullah, 2002).

#### ***4.1 Biodata Al-Zamakhsyari***

Nama sebenar beliau adalah Abu al-Qasim Mahmud bin Muhammad bin Umar dan terkenal dengan gelaran al-Zamakhsyari. Beliau telah dilahirkan di sebuah bandar kecil di daerah Khawarizm yang bernama Zamakhshar pada tanggal 27 Rejab tahun 467H. Beliau wafat di Khawarizm pada tanggal 9 Zulhijah tahun 538H.

Al-Zamakhsyari sebagaimana tokoh ilmuwan lain juga telah melakukan pengembaraan ilmiah ke beberapa kawasan dan daerah untuk mendalami pelbagai bidang ilmu. Pada usia belia lagi, beliau telah bermusafir ke Bukhara beberapa tahun namun, disebabkan ayah beliau dipenjarakan dan meninggal dunia beliau pulang kembali ke Khawarizm. Selepas daripada peristiwa tersebut, beliau terus melakukan pengembaraan ke beberapa buah negara lain atas tujuan ilmu. Antaranya adalah Naisabur, Baghdad, Hijaz serta Khurasan (al-Qurtubi, 2005).

Selain menuntut ilmu secara terus dengan ilmuwan yang hidup sezaman dengannya, beliau juga terkenal dengan membaca, mengkaji dan mengambil ilmu melalui sumber bacaan daripada karya-karya yang dikarang oleh ulama silam. Beliau pernah berguru dengan Abu Mudar Mahmud ibn Jarir al-Asbahani (m. 507 H), Abu Bakar Abdullah bin Talhah al-Andalusi (w. 518 H), Abu Mansur Nasr al-Harithi, Abu Said al-Saqani, Abu al-Khattab bin Abu al-Batr, Abu Ali al-Hasan al-Naisaburi (m. 473H), Qadi al-Qudah Abi Abdullah Muhammad bin Ali al-Damighani (m. 478H), dan al-Sharif bin al-Shajari (w. 542H).

Untuk menguasai sastera bahasa Arab, al-Zamakhsyari menuntut ilmu daripada Abu al-Hasan bin al-Muzaffar al-Naisaburi, seorang penyair masyhur di Khawarizm dan mempunyai banyak hasil karya dalam penulisan ilmu. Setelah itu, beliau berguru dengan Abu Mudar. Antara karya al-Zamakhsyari dalam bidang ilmu bahasa Arab ialah Diwan al-Syi'r, Tahzib Diwan al-Adab serta Tahzib Islah al-Mantiq.

Beliau turut mengambil ilmu daripada Abu Abdullah Muhammad bin Ali al-Damighani (M. 496H), seorang ulama fiqh, hakim dan merupakan ulama hadis. Di samping itu, beliau juga sempat berguru dengan Abu Mansur bin al-Jawaliqi (446-539H), tokoh dalam cabang bahasa dan sastra. Selain itu, al-Zamahsyari berguru dengan Abdullah bin Talhah al-Yabiri untuk mendalami ilmu asas nahu Imam Sibawaih (Mohd Hilmi Abdullah, 2002).

Walaupun terkenal sebagai seorang tokoh yang beraliran dan berfahaman muktazilah, al-Zamahsyari juga memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu Islam secara tidak langsung. Beliau terkenal sebagai seorang ilmuwan besar dalam bidang bahasa Arab. Banyak pengetahuan akan diperolehi daripada karyanya, terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan ilmu bahasa Arab. Sebagai tambahan kepada tafsir al-Kasasyaf, beliau turut menulis buku dalam bidang lain, seperti Diwan al-Adab, Asas al-Balaghah, Nawabi' al-Kalam fi al-Lughah, al-Mustaqsa fi Amthal al-Arab, al-Namuzaj fi al-Nahw, Rabi' al-Abrar, A'jab al-Ajab fi Syarh Lamiyat al-Arab, Al-Fa'iq fi Garib al-Hadith dan sebagainya (Hasan Basri, 2002)

Di sebalik sumbangan beliau dalam menghasilkan penulisan ilmu yang banyak, tafsir al-Kasasyaf adalah dianggap sebagai sebuah hasil karya yang terkenal dan masyhur. Akan tetapi, disebabkan aliran beliau yang berfahaman muktazilah serta menyalahi fahaman ahli sunnah wal jamaah, maka sangat perlu bagi seseorang bersikap waspada dalam mengambil ilmu daripada beliau terutama ilmu akidah.

#### ***4.2 Latar Belakang Tafsir al-Zamahsyari***

Al-Zamahsyari sentiasa mengembara untuk mendalami ilmu. Beliau sentiasa berkelana dari satu negara ke negara yang lain. Beliau pernah ke Baghdad, Khurasan, dan Mekah. Dikatakan beliau menyusun kitab al-Kasasyaf sewaktu berada di Mekah. Penulisan buku ini mengambil masa dua tahun dan beberapa bulan (Mani' bin Abd al-Halim, 2000).

Tafsir al-Kasasyaf dihasilkan pada akhir hayat al-Zamahsyari. Menurut Mani' (2000), beliau akan menyampaikan pentafsiran al-Quran kepada orang lain apabila beliau selesai mentafsirkan beberapa ayat. Beliau memperakukan perkara ini secara peribadi, *“Saya telah menulis beberapa perbincangan dalam surah al-Fatihah dan surah al-Baqarah. Di sini, saya mendapati penulisan ini amat mengasyikkan kerana terdapat banyak soalan yang boleh dijawab. Saya sangat mengambil berat tentang permasalahan ini kerana ia boleh digunakan sebagai hujah oleh mereka yang membacanya....”* Selepas mentafsir beberapa

ayat, ramai yang berkunjung untuk bertemu beliau dari pelbagai pelosok tempat, dekat atau jauh, untuk belajar dan mendalami ilmu daripadanya.

Hakikatnya, al-Zamakhsyari mula mengarang tafsir al-Kasysyāf hasil daripada permintaan satu kelompok yang dikenali dengan nama al-Fi'ah al-Najiyah al-'Adliyah, sebuah kumpulan yang terkenal dengan akidah Muktaẓilah (Al-Zamakhsyari, 2009). Dalam bahagian pendahuluan kitab tafsir beliau ada menyatakan: “... mereka mahukan sebuah kitab tafsir lalu mereka memohon agar saya menyingkap hakikat pentafsiran al-Quran dan semua peristiwa dan kisah yang ada di dalamnya, termasuk dari sudut pentakwilannya”.

Akhirnya, al-Zamakhsyari selesai menulis tafsir al-Kasysyāf dalam tempoh tiga puluh bulan, atau hampir dua tahun setengah kerana desakan daripada kelompok Muktaẓilah di Mekah itu dan juga galakan daripada al-Hasan 'Ali ibn Hamzah ibn Wahhas. Tafsir al-Kasysyāf ditulis semasa beliau tinggal di Mekah pada tahun 526H, dan ia selesai pada 23 Rabiulakhir 528H (Al-Zamakhsyari, 2009).

### ***4.3 Manhaj Pentafsiran Imam Al-Zamakhsyari***

Melalui pemerhatian terhadap pentafsiran al-Quran oleh al-Zamakhsyari, didapati bahawa majoriti pentafsiran yang dilakukan oleh beliau lebih cenderung menggunakan kaedah pentafsiran berdasarkan pandangan (al-Ra'yi). Justeru itu, al-Kasysyāf termasuk dalam kategori kitab Tafsīr bī al-Ra'yi, walaupun beliau turut menyandarkan pendapatnya kepada dalil daripada al-Quran dan Hadis. Pentafsiran al-Zamakhsyari, yang memberikan keutamaan kepada perspektif dan pengaruh aliran Muktaẓilah yang dipegangnya, adalah faktor utama yang mendorong para ulama untuk meletakkan tafsir ini ke dalam kategori Tafsīr bī al-Ra'yi.

Dari aspek pentafsiran pula, al-Zamakhsyari menggunakan kaedah al-Tahlīlī, ia dimulakan daripada permulaan al-Quran iaitu surah al-Fatihah sehingga surah al-Nās secara tersusun. Beliau menjelaskan maksud setiap kalimah dan perkataan dengan teliti. Beliau turut memberikan huraian maksud al-Munāsabah yang merujuk kepada hubungan antara makna suatu ayat dengan ayat yang lain atau perkaitan antara satu surah dengan surah yang lain, mengikut turutan surah dalam al-Quran.

Al-Zamakhsyari turut mengaplikasikan kaedah al-Muqārin, iaitu huraian yang mentafsirkan set ayat dalam suatu perbincangan dengan membuat perbandingan dengan ayat lain atau hadis dan menunjukkan perbezaan antara perkara yang dibandingkan dengan menyertakan tafsiran daripada ulama lain.

Sementara itu, al-Zamakhshari mengambil pendekatan al-Tafsīlī, iaitu pentafsiran ayat al-Quran berdasarkan ayat secara berturutan, dengan huraian yang terperinci dan jelas. Dalam mentafsir al-Kasasyāf, beliau menggunakan pendekatan yang seumpama dengan Lawn Adabī wa I'tiqadī, iaitu pendekatan yang menekankan aspek bahasa dengan membawakan beberapa unsur yang berkaitan dengan akidah. Ini disebabkan oleh fakta bahawa beliau merupakan seorang tokoh penting kepada penganut fahaman muktazilah serta seorang sasterawan bahasa Arab yang terkenal (Avif Alfiyah, 2018).

#### **4.4 Keistimewaan Karya Tafsir al-Zamakhshari**

Melihat kepada bab pendahuluan kitab yang ditulis oleh al-Zamakhshari, beliau secara tidak langsung telah mengisytiharkan bahawa seorang individu tidak mampu mendalami hakikat pentafsiran al-Quran walaupun sedikit sekiranya tiada kemampuan untuk menguasai ilmu al-Bayān dan ilmu al-Ma'āni (Anshori, 2009).

Menurut Anshori (2009), antara keistimewaan dan kelebihan pentafsiran al-Zamakhshari yang terdapat dalam kitabnya itu adalah huraian beliau dari sudut bahasa. Beliau terkenal sebagai sosok yang memiliki kemahiran dalam bahasa Arab. Disebabkan itu, gaya pentafsiran al-Kasasyāf ini lebih memberi penekanan dari sudut bahasa serta menonjolkan kemukjizatan al-Quran serta kehebatannya dari aspek bahasa. Selain daripada itu, tafsir al-Kasasyāf ini juga bersih daripada riwayat Israiliyyat kerana al-Zamakhshari memberikan penekanan dari sudut balaghah bahasa Arab.

Berdasarkan nukilan daripada Ibnu Khaldun, beliau menganggap bahawa kitab al-Kasasyāf adalah antara kitab tafsir yang terbaik yang mencakupi aspek bahasa, balaghah dan i'rab. Imam al-Dhahabi juga tidak terkecuali menyanjung usaha al-Zamakhshari mentafsir al-Quran walaupun terdapat unsur-unsur pemikiran dalam aliran muktazilah yang terdapat pada tafsirnya. Imam al-Dhahabi menyatakan "*Mahmud bin Umar al-Zamakhshari merupakan seorang ahli tafsir dan pakar bahasa yang baik, namun beliau telah menyeru kepada fahaman Muktazilah... oleh itu berhati-hatilah dengan al-Kasasyāf*". (Anshori, 2009)

### **5. Pengenalan Tafsir Al-Qurtubi**

Selain al-Kasasyāf, karya tafsir kedua yang dikaji dalam kajian ini adalah hasil karya tafsir oleh al-Qurtubi yang bertajuk al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān wa al-Mubīn li mā Tadammahu min al-Sunnah wa Āiy al-Furqān. Karya ini juga dikategorikan sebagai Tafsir bi al-Ra'yi.



Walaupun begitu, berbeza dengan al-Kasysyāf, karya al-Qurtubi ini adalah pentafsiran berdasarkan kaedah fikah. Karya ini pertama kali diterbitkan dan dicetak pada tahun 1933 di Mesir melalui syarikat Dār al-Kutub al-Misriah di Kaherah. Cetakan pada penerbitan ini dibahagikan kepada 20 jilid. Pada tahun 2006, kitab ini diterbitkan semula oleh syarikat penerbitan Mu'assasah al-Risālah di Beirut, Lubnan sebanyak 24 jilid dan dibuat semakan oleh Abdullah bin Muhsin al-Turki.

Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān turut dinilai sebagai salah satu naskhah agung oleh al-Qurtubi dalam bidang tafsir. Melalui judul yang diberikan, ia memberikan gambaran umum bahawa karya ini memberikan fokus terhadap himpunan hukum yang terdapat dalam al-Quran dan diberikan huraian bagi memahami isi kandungannya melalui sumber al-Sunnah serta ayat-ayat al-Quran. Melalui penjelasan pada bab pendahuluan kitab, judul yang diberikan kepada karya tafsir ini merupakan penamaan daripada al-Qurtubi sendiri. (al-Qurtubi, 2005)

### ***5.1 Latar Belakang Al-Qurtubi***

Al-Qurtubi merupakan seorang yang bergelar imam dan ahli tafsir serta ulama yang tersohor. Beliau telah mendapat pengiktirafan oleh ramai dalam kalangan ulama khususnya Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah (Muhammad Ali Iyazi, 1414H). Nama sebenar beliau adalah Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakar bin Farh al-Ansāri al-Khazrajī al-Andalusī al-Qurtubī. Diberi gelaran al-Qurtubi kerana nisbah kepada daerah Cordoba yang terletak di Andalusia. Beliau digelar al-Qurtubī kerana dilahirkan di sana. Walaupun begitu, tidak terdapat keterangan yang khusus mengenai tarikh kelahiran beliau. Yang pasti, beliau hidup sekitar kurun ke-7 hijrah atau 13 Masihi apabila Andalusia berada di bawah kerajaan Muwahhidun di Afrika Barat dan Bani Ahmar di Granada (1232–1492 M) (Muhammad Husain al-Dhahabī, 2005).

Al-Qurtubi terkenal sebagai seorang yang sangat bersemangat dan bersungguh dalam menuntut ilmu. Hal ni dapat dibuktikan melalui peristiwa pada tahun 633H apabila Perancis menjajah Cordoba, beliau telah berhijrah dari Cordoba bagi melakukan pengembaraan menimba ilmu ke daerah yang lain di bahagian Timur. Selain melakukan kembara ilmu, beliau mula menulis dan berguru dengan ramai ulama yang terdapat di Mesir sehinggalah beliau meninggal dunia pada 9 Syawwal 671H bersamaan tahun 1272 Masihi. Beliau disemadikan di Munya, iaitu sebuah kota Bani Khausab yang terletak di Mesir. (Al-Qurtubi, 2005)

Ketika beliau berkelana mencari ilmu, beliau telah berjumpa dan mempelajari ilmu dengan ulama yang ramai khususnya di Cordoba dan Mesir. Di Cordoba antara ulama yang sempat menjadi guru beliau adalah

Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Muhammad al-Qaisi (m.643H) yang dikenali sebagai Ibn Abi Hijah, pakar dalam ilmu nahu. Al-Qurtubi juga sempat mengambil ilmu daripada Al-Qādi Abu 'Amir Yahya bin 'Amir, Yahya bin 'Abd al-Rahman bin Ahmad, Abu Sulaiman Rabi' bin 'Abd al-Rahman bin Ahmad (m.632H), Abu Amir Yahya bin Abd al-Rahman bin Ahmad al-Asy'ari (m.639H) dan lain-lain. Sewaktu berada di Mesir pula, beliau sempat berguru dengan Abu Bakar Muhammad bin al-Walid al-Andalūsī, Abu Tahir Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim al-Asfahānī, Abu al-'Abbas Ahmad bin Umar bin Ibrahim al-Maliki (m.656H) yang merupakan pengarang kitab *Al-Mufhim fī Syarh Muslim* dan ulama-ulama lain. (al-Qurtubi, 2005)

Al-Qurtubi terkenal sebagai seorang ulama mazhab Maliki yang faqih. Beliau telah memberikan sumbangan melalui banyak karya dalam pelbagai bidang dan cabang ilmu seperti tafsir, qiraat, hadis dan sebagainya. Antara karya beliau yang terkenal selain tafsir *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* ialah *Risālah fī Alqab al-Hadīth*, *Al-Tazkirah fī Ahwāl al-Maut wa Umūr al-Ākhirah*, *Al-Intihāz fī Qirā'at Ahl al-Kūfah wa al-Basrah wa al-Syam wa Ahl al-Hijāz*, *Al-Tizkār fī Fadli al-Azkar* dan lain-lain lagi (al-Dhahabi, 2005).

Menurut imam al-Dhahabi (1999), al-Qurtubi adalah seorang ulama yang diperakui dalam pelbagai bidang ilmu. Al-Qurtubi telah mengarang pelbagai karya yang banyak dan menjadi rujukan termasuk kitab tafsir *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Ia memberikan gambaran tahap keilmuan dan kebijaksanaan beliau yang sangat tinggi. Ibnu Farhun al-Maliki (2011) menyatakan bahawa al-Qurtubi adalah seorang individu yang soleh, ulama yang berpengetahuan luas, warak dan zuhud. Al-Qurtubi digambarkan sebagai seorang yang sentiasa sibuk dengan ibadah sehinggakan kebanyakan waktunya digunakan oleh beliau untuk melakukan ibadah dan menulis karya kitab. Ibnu al-'Imad al-Hanbali (1989) telah menyifatkan al-Qurtubi sebagai seorang ulama dalam bidang hadis serta memiliki kefahaman yang luas. Al-Qurtubi juga mempunyai banyak hasil karya penulisan yang bermanfaat kepada masyarakat Islam. Selain itu, Ibnu al-'Imad al-Hanbali memberikan gambaran bahawa karya tafsir *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* merupakan karya yang mengandungi banyak manfaat.

## ***5.2 Latar Belakang Penghasilan Karya Tafsir al-Qurtubi***

Tafsir *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* mempunyai sejarah dan latar belakang yang tersendiri. Al-Qurtubi jelas menyebutkan dalam bab pendahuluan kitab tentang sebab dan punca yang menyebabkan beliau ingin menulis karya tafsir ini. Beliau berkata: "... dan saya telah

*mengarang tafsir ini sebagai peringatan kepada diri sendiri, juga bekal untuk alam kematian dan amal soleh setelah saya mati..”*. Jelasnya beliau mula menulis tafsir al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān ini disebabkan terkesan dengan petikan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW, antaranya Firman Allah SWT:

يُنَبِّئُ الْإِنْسَانَ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ

Terjemahan: Pada hari tersebut, diberitakan kepada manusia tentang apa yang dia telah lakukan, dan apa yang dia telah lalaikan. (al-Qiyamah, 75: 13)

Berdasarkan kenyataan tersebut, ia memberi gambaran bahawa al-Qurtubi telah menulis dan mengarang tafsir ini atas keinginan hati sendiri, bukan atas permintaan dan dorongan individu lain atau sebab yang lain. Beliau menyatakan juga dalam bab pendahuluan kitab beliau: *“Oleh kerana kitab Allah SWT mengandungi segala ilmu syariat yang menerangkan permasalahan hukum dan kewajipan agama. Allah SWT menurunkannya kepada Nabi Muhammad SAW, maka saya perlu menghabiskan hayat ini dan mengabdikan diri untuk al-Quran melalui penerangan ringkas yang terdiri daripada inti sari tafsir, bahasa, i’rab, qiraat, jawapan pada tohmahan golongan yang menyimpang dan sesat, didatangkan hadis-hadis nabi SAW dan sebab turunnya ayat sebagai hujah dalam menghuraikan hukum-hakam al-Quran, sebagai himpunan-himpunan maknanya, juga penjelasan pada ayat-ayat yang tidak jelas dengan mengguna pakai pandangan-pandangan para ulama kurun terdahulu dan kurun terkemudian...”* (Al-Qurtubi, 2005).

### **5.3 Manhaj Pentafsiran Imam al-Qurtubi**

Dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran, ahli tafsir mempunyai metode dan kaedah mereka yang tersendiri dalam menghasilkan sebuah karya. Umumnya, terdapat dua bentuk tafsir. Pertama ialah Tafsir bi al-Ma’thur iaitu pentafsiran yang menjelaskan ayat al-Quran berdasarkan kepada al-Quran, hadis, serta perdatap sahabat. Kedua ialah Tafsir bi al-Ra’yi iaitu pentafsiran yang menghuraikan ayat-ayat al-Quran melalui sumber-sumber lain selain daripada apa yang termaktub melalui jenis Tafsir bi al-Ma’thur. Melalui pentafsiran bentuk kedua ini terdapat pelbagai pembahagian, antaranya adalah huraian al-Quran yang memasukkan elemen perbahasan hukum fikah. Elemen inilah yang terdapat dalam kitab tafsir karya al-Qurtubi sesuai dengan judulnya iaitu al-Jāmi’ li

Ahkām al-Qur’ān yang bererti “Yang Menghimpunkan Hukum-hakam Al-Quran”.

Berlandaskan metode dan kaedah pentafsiran, dapat dipastikan bahawa al-Qurtubi telah menggunakan metode Tahlīlī dalam karya tafsir beliau. Ia dapat diperhatikan melalui kaedah al-Qurtubi dalam menghuraikan maksud ayat al-Quran secara terperinci dan huraian yang panjang lebar serta teliti merangkumi pelbagai aspek yang sesuai dengan kaedah pentafsiran melalui metode tafsir Tahlīlī.

Dalam bahagian pendahuluan kitabnya, al-Qurtubi telah menyatakan dengan jelas tentang kaedah beliau dalam menghuraikan ayat al-Quran sebagaimana berikut: (al-Qurtubi, 2005)

- i. Menyandarkan perkataan kepada penuturnya dan menyertakan takhrij bagi hadis yang dinyatakan.
- ii. Mengabaikan pelbagai riwayat daripada kisah-kisah, kecuali kisah yang dianggap perlu untuk diceritakan dan kisah yang tidak wajar untuk ditinggalkan bagi menerangkan makna ayat al-Quran.
- iii. Memberi penerangan tentang ayat-ayat hukum dengan menjelaskan maknanya, menarik pembaca untuk meneliti kepentingan ayat-ayat tersebut, dan menyatukan ayat yang mempunyai hukum yang berbeza.
- iv. Menambah penjelasan seperti asbāb al-Nuzūl ayat, perbezaan qiraat, huraian i’rab, maksud perkataan gharīb dan nukilan syair untuk menguatkan hujah dalam perbahasan dari aspek bahasa.
- v. Bagi memberikan kefahaman kepada pembaca, tafsiran dan takwilan bagi ayat tersebut akan dijelaskan jika mentafsirkan ayat yang bukan ayat hukum,

#### ***5.4 Keistimewaan Karya Tafsir al-Qurtubi***

Ulama tafsir telah mengiktiraf dan mengangkat kitab tafsir al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān ini sebagai sebahagian daripada rujukan utama mereka kerana kelebihan yang terdapat padanya. Antara keistimewaan kitab tafsir karya al-Qurtubi ini adalah dari sudut huraian masalah fikah. Meskipun beliau bermazhab Maliki, namun dalam mengulas isu berkaitan fikah, beliau mendatangkan pandangan-pandangan ulama merentasi mazhab melalui perbincangan yang luas terhadap sesuatu isu. Selain itu, beliau turut membuat perbandingan antara pandangan yang dinyatakan serta membuat kesimpulan terhadap pendapat yang paling ‘rajih’ dalam sesuatu hukum. Penilaian beliau adalah jauh daripada sifat fanatik terhadap sesuatu mazhab tertentu, walaupun terhadap pandangan mazhab Maliki.

Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān ini juga memiliki keistimewaan lain yang sukar didapati dalam kitab tafsir yang lain. Seiring pendirian al-Qurtubi yang tegas dalam membuat nukilan daripada riwayat atau hadis, beliau turut tegas dalam memasukkan sesuatu yang tiada sandaran ke dalam pentafsiran beliau. Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān adalah antara kitab tafsir yang jarang terdapat padanya riwayat Israiliyyat. Ia sedikit sebanyak mampu menyelesaikan masalah yang dialami dalam kalangan penimba ilmu tafsir khususnya terhadap cerita israiliyyat yang terdapat dalam tafsir ayat al-Quran. Perkara berkaitan riwayat Israiliyyat ini banyak mengelirukan ilmuwan dan pengkaji ilmu, malah ia turut berbahaya kepada orang awam (al-Dhahabi, 2000). Karya al-Qurtubi ini mempunyai banyak lagi kelebihan dan kebaikan. Huraian dan perbincangan yang beliau nyatakan adalah perbincangan ilmu yang amat perlu difahami sepenuhnya, bukannya hanya semata dibaca. Menurut Kamarul Zaman, Khairulnazrin & Ikmal (2023), al-Qurtubi berjaya menjelaskan perbahasan secara perbandingan dengan terperinci dalam pentafsirannya sehingga menonjolkan al-Quran sebagai penyelesaian masalah dalam kehidupan.

## 6. Pentafsiran Ayat 59 Surah al-Ahzāb

Fokus dalam topik ini adalah perbahasan tentang hijab dan jilbab bagi wanita muslim. Kebiasaannya, ayat yang menjadi perbincangan tentang isu hijab adalah pada ayat yang ke-59 daripada surah al-Ahzāb. Dalam surah al-Ahzāb juga, terdapat ayat yang menyebut hal berkaitan aurat muslimah iaitu ayat ke-33 dan ayat ke-53. Secara ringkas, ayat ke-33 menceritakan berkaitan isu isteri-isteri Rasulullah SAW apabila berada di luar rumah. Manakala ayat yang ke-53 menjelaskan tentang hijab yang diperintahkan secara khusus kepada isteri-isteri Baginda SAW. Ayat yang ke-59 pula, perbincangannya adalah merangkumi semua wanita muslimah.

Dalam kupasan ini juga, akan dinyatakan jenis penjelasan dan pentafsiran yang dilakukan oleh al-Zamakhsyari dan al-Qurtubi pada ayat yang ke-59 daripada surah al-Ahzāb sebagai perbandingan antara dua kitab tafsir yang dibincangkan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزُوجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلْبَابِهِنَّ ذَلِكَ أَذْنَىٰ أَنْ يُعْرِفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Terjemahan: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isteri dan anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, supaya melabuhkan jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh (sewaktu mereka keluar).

Perbuatan yang demikian lebih sesuai bagi mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. (Ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (al-Ahzāb, 33: 59)

Perintah dalam ayat yang ke-59 di atas adalah ditujukan kepada para isteri serta anak perempuan Rasulullah SAW dan wanita muslimah secara umum. Ia bertujuan untuk menjadi penghalang bagi mereka daripada perkara-perkara yang berbentuk gangguan dan celaan. M. Quraish Shihab (2004) menyatakan sebelum daripada ayat ini diturunkan kepada Rasulullah SAW, pakaian muslimah pada ketika itu adalah sama dan tiada perbezaan antara hamba dan bukan hamba.

Ulama berbeza pandangan berkaitan maksud perkataan jilbab di dalam ayat tersebut. Berdasarkan pandangan Ibnu ‘Asyur, jilbab bermaksud sejenis pakaian yang lebih besar berbanding penutup kepala dan ia adalah melepasi bahu dan belakang badan. Jilbab biasanya dipakai apabila seseorang wanita itu keluar dari rumah (Ibnu ‘Asyur, 1984). Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa jilbab adalah merujuk kepada baju yang longgar, kain yang menutup kepala atau apa sahaja jenis pakaian yang menutup keseluruhan tubuh badan wanita. Pakaian yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada pakaian yang longgar dan menepati syarat menutup aurat. Menurut Ibnu ‘Asyur lagi, pakaian yang dimaksudkan adalah tidak tertakluk kepada satu ketetapan. Bahkan ia mengikut kesesuaian dan kebiasaan bagi muslimah mengikut adat setempat. Tujuan sebenar (menurut ayat yang ke-59 surah al-Ahzāb ini) ialah menjadikan wanita muslimah agar lebih mudah dikenali seterusnya mengelakkan mereka daripada sebarang bentuk gangguan (M. Quraish Shihab, 2004).

Menurut Muhammad Baltaji (2007), ayat ke-59 surah al-Ahzāb perlu difahami secara bersama dengan ayat yang ke-31, surah al-Nur yang dengan jelas mengarahkan wanita untuk menutup dan menjaga aurat serta tidak mempamerkan perhiasan yang zahir bagi diri mereka. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَا يَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَائِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرَ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya memelihara pandangan mereka (daripada memandang perkara yang haram), dan menjaga kesucian mereka; dan janganlah mereka mempamerkan perhiasan badan mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka melabuhkan tudung ke paras dada mereka; dan janganlah mereka menunjukkan perhiasan badan mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau wanita muslimah, atau hamba sahaya mereka, atau orang suruhan dari orang-orang lelaki yang telah lanjut usia dan tiada berkeinginan kepada wanita, atau kanak-kanak yang belum mengetahui lagi tentang aurat wanita; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan perhiasan yang mereka sembunyikan; dan bertaubatlah kamu semua kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya. (al-Nur, 24: 31)

Kedua-dua ayat di atas menerangkan berkaitan perintah dan kewajipan bagi wanita untuk menutup aurat. Ada pun tentang jilbab, ia digunakan ketika diperlukan serta boleh dipakai dalam suasana yang pelbagai mengikut adat kebiasaan sama ada jilbab wanita Arab seperti jubah Arab atau baju kurung yang labuh dan longgar bagi wanita Melayu (Nasruddin Baidan, 1999). Ia kembali kepada matlamat pemakaian supaya dalam menutup aurat dengan sempurna. Jilbab yang disebut dalam ayat ke-59 tersebut adalah dengan tujuan menjaga kehormatan dan kesucian seorang wanita. Perkara ini adalah sangat berbeza dengan adat masyarakat Arab jahiliah yang sentiasa menjadikan wanita seumpama perhiasan untuk tontonan lelaki bagi melampiaskan nafsu dan kehendak mereka. Melalui pemakaian jilbab, martabat wanita khususnya dalam Islam adalah terhormat dan lebih mulia serta baik daripada zaman sebelum kedatangan Islam (Muhammad Baltaji, 2007).

### ***6.1 Penjelasan Tafsiran al-Zamaksyari***

Menurut tafsir al-Kasysyāf, al-Zamaksyari menghuraikan ayat ini dengan memberikan penekanan terhadap perbincangan tentang makna kalimah الجلباب. Dalam huraian terhadap ayat, beliau terlebih dahulu memulakan dengan menjelaskan definisi Jilbab. Katanya: “Jilbab merupakan pakaian yang lebih besar daripada Khimār...” Kemudian dinukilkan perkataan Ibnu Abbas RA yang memberikan maksud jilbab iaitu kain yang menutup sesuatu daripada atas sehingga ke bawah. Selepas itu, beliau menukilkan beberapa rangkap syair Abu Zubaid yang menyatakan

tentang jilbab. Kebanyakan huraian yang dinyatakan oleh al-Zamakhshari pada ayat tersebut adalah memfokuskan makna jilbab dan bentuk pemakaiannya serta mengapa diperintahkan pemakaiannya pada zaman Rasulullah SAW.

Setelah selesai tentang jilbab, beliau menjelaskan berkaitan ayat *دَلَّكَ أَذْنَىٰ أَنْ يُعْرَفَنَّ* pula dan memberikan tumpuan kepada maksud “*lebih baik dan layak bagi mereka untuk dikenali, agar mereka tidak terdedah dengan sesuatu yang mereka tidak sukai*”. Setelah itu, beliau menimbulkan persoalan tentang maksud perkataan *من* bagi petikan ayat *مِنْ جَلْبَابِهِنَّ*. Al-Zamakhshari telah menggunakan uslub soal dan jawab dalam pentafsiran beliau bagi menerangkan perkataan tersebut. Kemudian beliau memberikan penjelasan berdasarkan ilmu bahasa Arab. Beliau menyatakan perkataan tersebut (*من*) adalah bermaksud al-Tab’idh (sebahagian). Mengakhiri penjelasan terhadap ayat tersebut, al-Zamakhshari mendatangkan nukilan daripada Ibnu Sīrīn tentang pandangan Ubaidah al-Salmāni dan riwayat al-Suddi tentang perkataan tersebut (al-Zamakhshari, 2009).

## **6.2 Penjelasan Tafsiran al-Qurtubi**

Berdasarkan tafsir al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān, al-Qurtubi menerangkan enam perbincangan utama yang terdapat pada ayat ini. Perbincangan pertama adalah perbincangan mengenai keutamaan isteri-isteri Rasulullah SAW melalui petikan ayat *قُلْ لَأَزُوجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ*. Dalam perbincangan kedua, al-Qurtubi memberikan komentar berkaitan kebiasaan wanita jahiliyyah yang tidak mempunyai rasa malu tentang pemakaian. Kemudian, dalam perbincangan ketiga, al-Qurtubi memberikan huraian tentang petikan ayat *مِنْ جَلْبَابِهِنَّ*. Beliau menjelaskan bahawa kalimah al-Jalābīb adalah bentuk jamak daripada kalimah الجلباب, yang bermaksud pakaian yang lebih besar daripada tudung kepala. Menurut riwayat Ibnu Abbas dan Ibnu Mas’ud RA, "الجلباب" bermaksud pakaian panjang, seperti jubah. Terdapat juga riwayat yang menyatakan bahawa perkataan itu juga bermaksud penutup kepala yang menutup wajah wanita. Kemudian beliau menguatkan maksudnya sebagai pakaian yang boleh menutupi seluruh tubuh. Di samping itu, beliau juga membawa riwayat daripada Ummu ‘Atiyyah, yang bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan jilbab.



Dalam perbincangan keempat, al-Qurtubi membawakan pendapat Abdullah bin Abbas dan Ubaidah Al-Salmāni tentang bahagian yang harus dilitupi oleh jilbab. Kata beliau, “*Ulama berselisih pandangan tentang bahagian yang perlu dilitupi oleh jilbab tersebut. Menurut Ibnu Abbas dan Ubaidah Al-Salmāni, wanita perlu melabuhkan jilbab sehingga tidak nampak mana-mana bahagian tubuhnya kecuali mata untuk melihat. Ibnu Abbas memberitahu Qatadah bahawa seseorang wanita perlu memakai jilbab di atas kepalanya dan disambungkan di bahagian hidungnya sehingga matanya boleh dibuka, tetapi jilbab itu harus menutupi leher dan sebahagian besar mukanya hingga ke bawah. Sementara itu, al-Hasan berpandangan bahawa jilbab itu perlu menutupi sebahagian muka dan menutupi kepala.*”.

Manakala dalam perbincangan kelima yang dibawakan oleh al-Qurtubi, beliau memberikan pendapat mengenai masalah jilbab. Katanya: “*Allah SWT menyuruh semua wanita menutupi tubuh mereka dengan pakaian yang labuh dan longgar sehingga tidak kelihatan bentuk tubuh badan mereka. Namun, jika wanita itu tinggal di rumah bersama suaminya, mereka harus memakai apa sahaja yang disukai. Kerana suaminya mempunyai hak untuk menikmati segalanya yang dimiliki oleh pasangannya mengikut kehendaknya*”. Setelah itu dinyatakan beberapa nukilan hadis bagi menguatkan pandangan beliau itu. Kemudian dalam perbincangan keenam, al-Qurtubi memberikan penjelasan berdasarkan petikan ayat *ذَلِكَ أَذَىٰ ۖ أَن يُمْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ* (al-Qurtubi, 2005)

### **6.3 Analisis Perbandingan**

Oleh kerana al-Zamakhshyari dan al-Qurtubi mentafsir ayat ke-59 surah al-Ahzāb dengan cara yang berbeza, terdapat sedikit perbezaan dalam kaedah dan metode yang digunakan. Dalam memahami ayat-ayat tersebut, Al-Zamakhshyari banyak menggunakan pendekatan bahasa Arab, terutamanya berkaitan dengan makna dan maksud perkataan jilbab. Tanpa mengambil kira hukum-hakam yang berkaitan, tafsiran yang dilakukan adalah pendek dan tertumpu kepada pemahaman ayat.

Namun begitu, tafsiran al-Qurtubi adalah sangat terperinci kerana beliau menyebut beberapa nukilan daripada hadis dan āthār sahabat serta tabi'in mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam ayat ini, seperti yang telah dihuraikan. Beliau mendatangkan enam perbincangan yang diatur secara tersusun untuk memudahkan pembaca memahami ayat dalam konteks yang tepat.

Melalui perbandingan di atas, al-Zamakhshyari dan al-Qurtubi juga mempunyai persamaan dalam memberikan huraian terhadap maksud

perkataan jilbab. Kedua-dua mereka menukikan pendapat daripada Abdullah bin Abbas RA dan ‘Ubaidah al-Salmāni. Meskipun kedua-duanya tafsir ini dianggap sebagai Tafsīr bi al-Ra'yi, mereka masih menggunakan al-Hadith, āthār sahabat, dan pendapat tabi'in untuk menyokong pendapat dan hujah mereka.

## 7. Kesimpulan

Kesimpulannya, pengetahuan tentang pelbagai jenis tafsir pada zaman ini adalah penting untuk setiap penuntut ilmu. Setiap penjelasan yang diberikan oleh tokoh ilmuwan terkenal boleh diambil pakai, tetapi tidak dalam semua perkara dan permasalahan yang dibincangkan. Umpama pada tafsir al-Kasasyāf, banyak faedah dari aspek bahasa yang boleh diambil kerana kehebatan pengarangnya dalam bidang kesusasteraan bahasa Arab memang diperakui. Walau bagaimanapun, kita harus berjaga-jaga dengan ayat-ayat yang bersangkutan dengan akidah dan hukum-hakam agama.

Pentafsiran para ulama yang muktabar sangat penting untuk memahami secara jelas ayat 59 surah al-Ahzab iaitu berkenaan dengan isu hijab. Walaupun penulisan ini tertumpu kepada dua buah kitab tafsir yang dikategorikan sebagai al-Tafsīr bi al-Ra'yi melalui pendekatan pentafsiran yang berfokus pada bahasa dan hukum hakam, para penuntut ilmu juga perlu melihat kepada pentafsiran ulama tafsir yang lain seperti al-Tabari juga Ibn Kathir serta ulama tafsir masa kini seperti Dr. Wahbah al-Zuhaili dan Syeikh ‘Ali al-Sabuni.

Amat tidak wajar menolak keseluruhan kandungan yang terdapat dalam pentafsiran Tafsīr bi al-Ra'yi kerana pegangan akidah penulisnya; sebaliknya, apa sahaja perkara yang elok dan benar haruslah diterima. Walau bagaimanapun, pentafsiran yang dibuat oleh ilmuwan Ahl Sunnah wal al-Jamā'ah perlu diberikan keutamaan yang lebih tinggi. Apatah lagi apabila ia berkaitan dengan menyampaikan ilmu kepada masyarakat awam.

## Rujukan

- Abd al-Fattah al-Khalidi. (2010). *Ta'rif al-Dārisīn bi Manāhij al-Mufasssīrīn*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. (1999). *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Masyāhīr wa al-A'lām*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Husain. (2005). *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Kaherah: Kaherah: Dār al-Hadīth.
- al-Qurtubi, Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad (2005). *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an wa al-Mubīn li mā Tadammānahu min al-Sunnah wa Āy al-Furqān*. Kaherah: Maktabah al-Sofa.

- al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin Umar (2009). *Al-Kasysyaf 'an Haqā'iq Ghawamid al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūb al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Anshori. (2009). *Studi Kritis Tafsir Al-Kasysyaf*. SOSIO-RELIGIA, Vol. 8, No. 3., 595-609.
- Avif Alfiyah. (2018). *Kajian Kitab Al Kasyaf Karya Zamakhshari*. Al Furqan: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Tafsir, , 56-65.
- Ibnu 'Asyur, Muhammad al-Tahir. (1984). *al-Tahrir wa al-Tanwir*.
- Kamarul Zaman, R., Khairulnazrin Nasir, & Ikmal Adnan. (2023). Dimensi Teoretikal Psikoterapi Komplementari dalam Tafsir al-Qurṭubī : Theoretical Dimensions of Complementary Psychotherapy in Tafsir al-Qurṭubī. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 19(1), 96-114. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v19i1.398>
- Manī' bin Abd al-Halīm. (2000). *Manāhij al-Mufasssirīn*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misr.
- Muhammad Ali Iyazi. (1993). *al-Mufasssirun Hayatun wa Manhajuhum*. Tehran: Muassasah al-Thiba'ah wa al-Nasyr Wizarat al-Tsaqafah wa al-Irsyad al-Islami.
- Muhammad Baltaji. (2007). *Kedudukan Wanita dalam Al-Quran dan Sunnah*. (Terj.) Afifuddin Said. Jawa Tengah: Media Insani.
- Muhammad Quraish Shihab. (2004). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Tangerang: Lentera Hati.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2002). *Pemikiran Nahu al-Zamakhshariy Dalam Tafsīr al-Kasysyāf* (Unpublished doctoral thesis), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nasruddin Baidan. (1999). *Tafsir bi al-Ra'yi: Upaya penggalian konsep wanita dalam al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.